

# Persahabatan tak dihargai

*Pelajar berasakan diabaikan rakan sebilik walaupun sering berkorban*

## Soalan

**S**AYA pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi di ibu kota. Pertama kali datang ke ibu kota, saya keseorangan sehinggalah berjumpa seorang sahabat yang sangat baik, comel, peramah dan semuanya cukup sempurna.

Pada semester pertama saya tinggal berseorangan, tetapi dia ada rakan sebilik. Pada tahun kedua, rakan sebilik dia berhenti belajar atas sebab tertentu. Akhirnya dia minta izin untuk tinggal dengan saya dan berasa senang hati kerana tidak

mempunyai rakan sebilik.

Pada mulanya semua berjalan dengan baik, tetapi lama kelamaan saya diabaikan seolah-olah tidak pernah wujud di hadapannya.

Saya bukan meminta untuk dihargai sepanjang masa, tetapi perasaan saya betul-betul sayangkannya atas nama persahabatan. Saya anggap dia macam adik sendiri malah sanggup berkorban kerana tidak mahu dia susah atau sedih.

Saya lebihkan dia daripada sahabat lain. Perilakuannya ibarat pepatah madu dibalas tuba. Saya tidak pernah

abaikannya sewaktu di kelas dan sentiasa menjaganya jika dia sakit.

Saya pernah memberitahu dia perkara ini dan keadaan tenang seketika, namun tidak lama. Dia banyak berseronok dengan kawan-kawan lain hingga saya jadi cemburu.

Sakit hati,  
Shah Alam.

## Jawapan

**P**EMIKIRAN kita sepatutnya mendapat balasan baik kerana berbuat baik banyak memerangkap diri. Dalam dunia nyata, perkara ini

tidak semesti benar. Seringkali kita memberi madu kepada orang lain, tetapi dibalas sebaliknya. Itulah yang berlaku pada diri adik.

Dr memahami perasaan adik apabila mengatakan adik seolah-olah tidak wujud di hadapannya. Sebagai manusia, memang ada keperluan untuk dihargai dan disayangi. Apabila keperluan itu tidak dipenuhi, sukar bagi manusia berfungsi dengan sejahtera. Adik sudah melakukan yang terbaik untuk membahagiakan kawan. Kini, tiba masanya untuk adik

memikirkan diri sendiri.

Dr tidak tahu punca sebenar rakan sebilik mengabaikan adik. Mungkin rakan sebilik rimas dengan tingkah laku adik yang kelihatan seperti terlalu melindunginya. Elok juga adik bertanya apakah punca dia tidak memberi perhatian sepenuhnya.

Sikap adik yang terlalu mengambil berat juga boleh menyebabkan dia mengambil sikap lewa atas apa saja kebaikan yang adik lakukan padanya. Kita, ada kalanya tidak menghargai apa yang kita ada, sehing-

galah ia hilang daripada genggaman.

Jujurlah dalam persahabatan. Jangan mengharap balasan. Jika kita melakukan sesuatu dengan kelikhlasan, nescaya ganjaran yang diterima juga setanding dengan apa yang kita usahakan.

Mungkin kesannya bukan sekarang, tapi akan datang pada waktu kita sendiri sudah melupakannya. Kuasai diri adik dengan fokuskan pemikiran dan terima realiti seadanya. Orang yang paling berkuasa adalah orang yang dapat menguasai dirinya sendiri.

# Enggan kahwin walaupun kad sudah diedar

## Soalan

**S**AYA wanita yang sudah bertunang sejak Disember

tahun lalu dan pernikahan dijadual berlangsung tidak lama lagi. Masalahnya, hing-

ga kini saya tiada perasaan sayang pada tunang dan seolah-olah tidak dapat menerimanya. Kadangkala saya bertanya sendiri mengapa bertunang dengannya kalau langsung tiada perasaan sayang.

Untuk pengetahuan Dr, saya sebenarnya sudah mempunyai teman lelaki dan amat menyayanginya. Pertunangan yang dilkat tidak lebih untuk tidak menghampakan hati ibu ayah dan keluarga. Teman lelaki saya sudah beristeri dan mempunyai anak.

Saya pernah menyatakan kepadanya yang saya bersedia untuk hidup bermadu. Masalahnya tarikh pernikahan semakin hampir dan saya menjadi sangat buntu. Pernah juga teman lelaki menasihatkan saya supaya menerima takdir yang saya akan dinikahkan dengan tunang. Dia menasihatkan saya belajar menerima qada dan qadar Allah. Katanya lagi banyak hati akan hancur jika saya berkahwin dengannya (teman lelaki).

Malahngnya semakin banyak nasihat yang teman lelaki berikan, saya semakin tidak bersedia untuk dinikahkan dengan tunang. Sebaliknya

saya semakin menyayangi teman lelaki dan tidak pernah menghiraukan persiapan pernikahan walaupun kad jemputan khabarnya sudah diedarkan. Setiap malam saya menangis kerana memikirkan nasib saya dan pernah ketikanya teman lelaki pernah menyatakan kesediaannya untuk menerima saya sebagai isteri keduanya. Hinggakan selepas setiap solat, saya berdoa supaya pernikahan saya dengan tunang tidak menjadi kenyataan. Apabila memikirkan perasaan ibu ayah saya menjadi semakin bingung. Persoalannya, antara memenuhi kehendak keluarga atau perasaan saya terhadap teman lelaki?

Gadis buntu,  
Pahang.

Jawapan

**A**PABILA membabitkan soal hati, tiada jawapan benar atau salah, ia hanya persoalan yang terbaik untuk siapa serta kesanggupan bertanggungjawab menjadi diri sendiri. Contohnya, sama ada

adik perlu berterus terang kepada keluarga mengenai perasaan sebenar atau terus berlakon sebagai anak yang patuh dan tidak mahu melukakan hati ibu bapa, jawapan terletak kepada keberanian adik untuk menjadi diri sendiri.

Ia juga bergantung pada sejauh mana teman lelaki sanggup berkorban dan memperisterikan adik. Segala keputusan yang adik ambil nanti, pasti ada kesannya. Bersedialah untuk belajar melalui realiti kehidupan apabila apa pun keputusan yang adik ambil, jalannya bukan mudah. Akan ada hati yang terluka terutama hati adik sendiri.

Dengan tidak berterus terang perasaan sebenar adik, ia memberi gambaran adik menerima kehadiran tunang dengan baik. Adik juga sudah menghantar mesej adik reda dengan apa yang berlaku. Ini menunjukkan adik tidak bersifat adil kepada tunang, keluarga dan terutama kepada diri sendiri. Keadaan menjadi begitu tertekan sehinggakan selepas setiap solat, adik



berdoa supaya pernikahan dengan tunang tidak menjadi kenyataan.

Adik katakan setiap malam adik menangis kerana memikirkan nasib yang

tersepit antara memenuhi kehendak keluarga atau perasaan cinta terhadap teman lelaki. Sememangnya cinta itu itu buta. Persoalan yang boleh membantu men-

jawab isu adik ialah apakah sebenarnya perasaan teman lelaki terhadap adik? Ini kerana daripada satu segi, dia menasihatkan supaya menerima takdir adik akan

dinikahkan dengan tunang serta menerima qada dan qadar Allah.

Pada waktu yang sama, ada ketikanya teman lelaki pernah menyatakan kesediaannya untuk menerima adik sebagai isteri keduanya. Seperti teman lelaki masih lagi tidak begitu pasti peranannya dalam hubungan cinta anda berdua. Kesediaan teman lelaki untuk benar-benar menerima adik dalam hidupnya sangat penting untuk adik mengambil sebarang tindakan selanjutnya. Contohnya, jika adik memutuskan pertunangan, adakah adik benar-benar yakin teman lelaki akan mengambil adik sebagai isterinya?

Apa saja keputusan yang adik ambil serta kehidupan yang akan dilalui, Dr doakan agar adik akan melaluinya dengan tabah. Minta doa mohon keberkatan-Nya untuk adik lalui kehidupan ini melalui pengorbanan hidup yang bukan mudah, tetapi berusaha ke arah itu. Tentu ada hikmah atas segala jaian kehidupan yang ditentukan untuk adik.